

D914

R B459 AAB  
MAHATHIR  
(I)

SUBANG, 8 OKT (BERNAMA) -- MALAYSIA TELAH MEMINTA KERJASAMA DARI INDONESIA BAGI PEMASARAN BARANGAN UTAMANYA, TERUTAMA MINYAK SAWIT, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

PERDANA MENTERI MENYAMPAIKAN PERMINTAAN ITU DALAM PERBINCANGANNYA DENGAN PRESIDEN SUHARTO DI JAKARTA AWAL HARI INI.

SEMASA BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SEKEMBALINYA KE SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA KERJASAMA ITU AMATLAH PENTING MEMANDANGKAN KEDUA-DUA NEGARA MEMPUNYAI PASARAN YANG SAMA.

KATANYA, KEDUA-DUA NEGARA PERLU MENANDATANGANI PERJANJIAN MENGENAI PERTUKARAN MAKLUMAT MENGENAI PASARAN.

SEMASA BERADA DI INDONESIA, DATUK SERI DR. MAHATHIR MELAWAT KE KILANG KAPAL TERBANG NURTANIO DI BANDUNG DAN BERBINCANG DENGAN PRESIDEN SUHARTO MENGENAI PELBAGAI ISU KEPENTINGAN BERSAMA, TERUTAMA HUBUNGAN DUA HALA.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MENGHADIAHKAN KERETA NASIONAL, PROTON SAGA KEPADA PRESIDEN SUHARTO. -- BERNAMA  
2312MST 08 10 85

#### MAHATHIR 2 SUBANG

DURING HIS BRIEF STAY IN INDONESIA, DATUK SERI DR MAHATHIR VISITED THE NURTANIO AERO INDUSTRY IN BANDUNG AND HELD TALKS WITH PRESIDENT SOEHARTO ON VARIOUS ISSUES, ESPECIALLY ON BILATERAL RELATIONS.

FOLLOWING THE TALKS, THE PRIME MINISTER PRESENTED A PROTON SAGA, THE MADE-IN-MALAYSIA CAR, TO PRESIDENT SOEHARTO. -- BERNAMA  
2302MST 08 10 85